



SEBANYAK 21 buah kenderaan pacuan empat roda akan mengikuti rombongan UMS Rentas Borneo bagi mempromosi UMS di kawasan pedalaman.

UMS Rentas Borneo melibatkan 21 kenderaan

UB 24-3-2014 B7

KOTA KINABALU: Perancangan aktiviti dan program sempena sambutan 20 tahun penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang giat dijalankan selepas pelancarannya dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah pada 1 Januari lalu.

Terbaru, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan Sekolah Perubatan (SPU) UMS menganjurkan program 'UMS Rentas Borneo' iaitu aktiviti jelajah Sabah menggunakan jalan darat yang terdiri daripada 21 buah kenderaan pacuan empat roda yang dijadualkan berlangsung pada 24 hingga 30 Mac ini.

Menurut Dekan SPPS merangkap Pengerusi Penganjur Prof Dr Ismail Ibrahim, rombongan UMS akan memulakan perjalanan pada 24 Mac dengan pelepasannya akan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Hajah Jainab Ahmad Ayid di Dataran Dewan Canselor UMS.

"Rombongan ini akan melalui laluan ke Beaufort, Sipitang, Tenom, Nabawan, Tawau, Lahad Datu, Sandakan, Beluran, Paitan, Kota Marudu dan akan menamatkan perjalanan pada 30 Mac di Kota Kinabalu," katanya ketika dihubungi.

"Di Beaufort, rombongan akan singgah di padang Pekan Beaufort di mana pada 31 Januari 1994, Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan penubuhan sebuah universiti di Sabah ketika berlangsung Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat sebagai mengenang kembali peristiwa bersejarah bagi UMS.

"Sepanjang program ini, rombongan akan berhenti di SK Pementeriaan, Nabawan, SK Tg Labian, Lahad Datu dan SK Pinangkau, Beluran," katanya.

Ismail berkata, di setiap perhentian, pelbagai acara yang melibatkan UMS dan masyarakat akan dijalankan seperti aktiviti khidmat masyarakat, khidmat kesihatan, kempen masuk 'U', ceramah akademik dan persembahan kebudayaan.

Setiap aktiviti yang dijalankan akan



melibatkan kehadiran wakil rakyat kawasan berkenaan bagi merasmikan program yang dilangsungkan.

"Tujuan utama program ini adalah mempromosi sambutan 20 tahun penubuhan UMS kepada masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan menyebarkan maklumat tentang UMS khususnya penawaran program dan kursus akademik yang ditawarkan," katanya.

Sementara itu, pengurus bersama Dekan SPU Prof Dr D Kamaruddin D Mudin berkata, khidmat perubatan dan kesihatan percuma akan dijalankan di setiap lokasi persinggahan oleh kakitangan perubatan SPU dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

"Penduduk yang tinggal berdekatan lokasi persinggahan iaitu di Nabawan, Tg Labian dan Beluran akan diberikan kemudahan pemeriksaan dan khidmat nasihat kesihatan secara percuma dan bekalan ubat-ubatan turut disediakan," katanya.

Katanya, aktiviti itu akan diadakan pada 25 Mac (Selasa) di SK Pementeriaan, Nabawan; 27 Mac (Khamis) di SK Tg Labian, Lahad Datu dan 29 Mac (Sabtu) di SK Pinangkau, Beluran bermula jam 8 pagi hingga 12 tengahari.

Program yang melibatkan seramai 60 kakitangan dan pelajar UMS ini turut dijayakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Sabah Off-Road Association dan Kelab Sukarelawan Pacuan 4 Roda UMS dengan sokongan daripada Polis Diraja Malaysia dan ESSCOM.